

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA MENYANTUNI GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK DALAM MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA DENGAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

Cyberjaya, 12 April 2022 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menyantuni golongan kurang bernasib baik dari beberapa buah rumah kebajikan dan pusat jagaan dalam Majlis Berbuka Puasa bersama dengan YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II yang diadakan di Ibu Pejabat HASiL pada hari ini.

Selain daripada sumbangan duit raya kepada 45 orang anak yatim dan asnaf yang disantuni tersebut, YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa turut menyempurnakan penyerahan sumbangan HASiL berjumlah RM5,000.00 kepada setiap rumah kebajikan dan pusat jagaan yang diraikan iaitu :

1. Rumah Anak Yatim Sg. Kantan;
2. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim & Miskin Rukaiyah;
3. Rumah Bakti Al-Kausar;
4. Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim UMMI Selangor;

5. Pusat Jagaan Mesra Assalam;
6. Rumah Amal Limpahan Kasih;
7. Pertubuhan Pengurusan Rumah Safiyah;
8. Pusat Jagaan Nur Hasanah;
9. Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah; dan
10. Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa.

YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa dalam ucapan beliau memuji usaha murni HASiL dalam meraikan golongan yang memerlukan kerana para penerima sumbangan ini khususnya anak-anak yatim dan asnaf merupakan sebahagian daripada generasi yang akan mewarisi legasi negara. Semoga sedikit bantuan ini akan meringankan beban mereka dalam membuat persiapan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Sementara itu YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dalam ucapannya pula berkata, dengan mengambil semangat kemuliaan Bulan Ramadan, HASiL akan terus berusaha meningkatkan peranannya sebagai pentadbir cukai langsung di negara ini. Aktiviti-aktiviti teras pentadbiran cukai seperti penaksiran, pemungutan, audit, siasatan, pengesanan, pendidikan cukai dan khidmat pelanggan tetap diberikan keutamaan sepanjang bulan Ramadan ini. Hal ini amat penting bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat berjalan lancar dan tidak terganggu serta menjamin kemapanan kutipan hasil negara.

Turut sama hadir pada majlis ini ialah Anggota-Anggota Lembaga, Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan warga kerja HASiL.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 13 April 2022



LAMPIRAN



YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II (tengah) menyaksikan penyerahan sumbangan duit raya daripada YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASIL kepada anak-anak yatim.



YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa bersama-sama anak yatim dari Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim & Miskin Rukaiyah.